



# KIT PERMULAAN PERBUALAN UNTUK WARGA EMAS

PERDAGANGAN DAN KERJAYA



## PENGHARGAAN

Lembaga Warisan Negara (NHB) ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan kongsi kami, agensi perkhidmatan sosial, pengamal penjagaan masyarakat, warga emas dan sukarelawan yang telah menyumbang kepada penghasilan kit sumber ini. Kami juga berterima kasih kepada Majlis Khidmat Sosial Kebangsaan (NCSS) atas kerjasama dalam membangunkan Siri 1 dan 2 Kit Permulaan Perbualan untuk Warga Emas ini.

### RAKAN KONGSI DAN AGENSI PERKHIDMATAN SOSIAL

Pusat Warga Emas Anglican, Agensi Penjagaan Bersepadu, Guide Dogs Singapore Ltd, Pusat Kegiatan Warga Emas Orange Valley (Woodlands Peak), Pusat Kaunseling SAGE, Hospital Masyarakat Sengkang, Rumah Rawatan St Andrew's, Pusat Jagaan Warga Emas St Andrew's

### ANGGOTA PASUKAN UTAMA

- Cik Mandy Lim, Penolong Pengurus, Hab Warga Emas (Pendidikan & Mendekati Masyarakat), Lembaga Warisan Negara
- Cik JinXian Pang, Pegawai Projek, Hab Warga Emas (Pendidikan & Mendekati Masyarakat), Lembaga Warisan Negara
- Encik Don Yew, Eksekutif, Pusat Kaunseling SAGE
- Cik Prabha Techna Miti, Pekerja Sosial Kanan, Hospital Masyarakat Sengkang
- Ucapan terima kasih khas kepada Encik Chhua Bak Siang, Cik Chua Yock Peng Lorraine, Cik Kerry Gutierrez Zambrano, Cik Lim Bee Hong Cyndy, Dr. Sona Pranav Kumar, Cik Sylvia Costa, Cik Tan Tee Kheng, Cik Wang Kwei Fang dan Cik Wong Lay Kiow Regina serta semua sukarelawan.

### MENGENAI KIT PERMULAAN PERBUALAN INI

Kit Permulaan Perbualan untuk Warga Emas ini merupakan sumber yang dibangunkan oleh NHB. Setiap kit mengandungi 20 gambar yang dipilih khas berdasarkan sebuah tema, dan setiap gambar disertakan dengan satu set soalan bagi memudahkan perbualan yang bermakna antara warga emas, ahli keluarga, penjaga, dan sukarelawan. Kit ini telah digunakan dalam pelbagai suasana penjagaan masyarakat sejak tahun 2018, dan berfungsi sebagai alat pengenalan yang baik bagi interaksi berkenaan budaya dengan warga emas.

# CARA MENGGUNAKAN KIT INI

Sentiasa mempersiapkan diri dengan membaca isi kandungan dan tema kit sebelum setiap sesi.

## SEBAGAI AKTIVITI SECARA PERSEORANGAN

1. Perkenalkan diri anda dan tujuan aktiviti.
2. Mulakan dengan gambar menghadap peserta dan teks menghadap anda.
3. Gunakan soalan sebagai panduan untuk memulakan atau memperdalam perbualan.
4. Jika masa mengizinkan, akses sumber dan video dalam talian dengan mengimbas kod QR di setiap halaman.



## SENARAI PEKERJAAN DAN KERJAYA

- |  |                           |
|--|---------------------------|
| 1. Pembuat Terompah                    | 10. Pekerja <i>Twakow</i> |
| 2. Pengamal Perubatan Tradisional Cina | 11. Dalang Boneka Cina    |
| 3. Penganyam Rotan                     | 12. Pemikat Ular          |
| 4. Tukang Gunting Rambut Jalanan       | 13. Konduktor Bas         |
| 5. Pengayuh Beca                       | 14. Kuli                  |
| 6. Pembuat Tanglung                    | 15. Tukang Tilik          |
| 7. Penjual Sayur                       | 16. Jurutaip              |
| 8. Penjual Sate                        | 17. Nelayan               |
| 9. Wanita <i>Samsui</i>                | 18. <i>Amah</i>           |
|  | 19. Pemilik Kedai Runcit  |
|  | 20. Tukang Jahit          |

## SEBAGAI AKTIVITI SECARA BERKUMPULAN

1. Kumpulkan peserta anda di sekitar meja atau ruang.
2. Pastikan setiap peserta dapat melihat anda.
3. Perkenalkan diri anda dan tujuan aktiviti.
4. Tayangkan bahagian kit yang bergambar pada sudut yang jelas.
5. Benarkan peserta untuk berkongsi pendapat mereka secara bergilir-gilir mengenai gambar tersebut.
6. Galakkan mereka untuk menerangkan apa yang mereka lihat dan apa mereka fikir adalah subjek/titik tumpuan gambar tersebut.
7. Gunakan soalan dan biarkan perbualan terbentuk secara semula jadi dan di antara para peserta jika mereka mempunyai cerita untuk dikongsi.



*Roots*



Lawati [Roots.gov.sg](https://roots.gov.sg), portal warisan NHB, untuk lebih banyak video, cerita dan sumber.

**Kami ingin mendengar daripada anda!**

Kongsikan maklum balas anda dengan kami di:  
<https://go.gov.sg/nhb-cskfeedback>

## PEMBUAT TEROMPAH DI SEBUAH GERAI, 1970-AN – 1980-AN



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara  
Lembaga Warisan Negara, di sebalik segala usaha yang sewajarnya, tidak dapat mengesan/mengenal pasti pemilik hak cipta gambar ini. Kami menjemput pemilik yang sah untuk menghubungi kami.  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1190794>

# PEMBUAT TEROMPAH DI SEBUAH GERAI, 1970-AN – 1980-AN

## LATAR BELAKANG:

Seorang pembuat terompah di sebuah gerai di Singapura pada tahun 1970-an hingga 1980-an.

Terompah biasanya dipakai oleh orang yang tinggal di Singapura sebelum Perang Dunia II. Ia adalah kasut yang popular kerana ia tahan gelincir dan mempunyai tapak kayu yang tinggi yang memastikan kaki dan pakaian kekal kering di lantai yang basah.

Ramai pembuat terompah merupakan pendatang Cina yang mendirikan kedai mereka di sekitar kawasan seperti Chinatown. Mereka akan menggunakan alat seperti papan pemotong, parang dan pisau lipat untuk mencukur kepingan kayu bagi membuat terompah. Kepingan getah, kulit atau plastik kemudiannya akan dipotong dan dipakukan pada kedua-dua sisi terompah untuk dijadikan tali.

1. Di manakah anda boleh membeli terompah ini?
2. Pernahkah anda memakai terompah? Bagaimana rasanya?
3. Tahukah anda bagaimana terompah dibuat?



Baca tentang pembuat terompah – di e-NLB  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-clogshoemaker>



## KABINET YANG DIGUNAKAN OLEH PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL CINA, 1920-AN – 1940-AN



Ihsan Muzium Tamadun Asia, Lembaga Warisan Negara  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1121010>

# KABINET YANG DIGUNAKAN OLEH PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL CINA, 1920-AN – 1940-AN

## LATAR BELAKANG:

Sebuah kabinet Perubatan Tradisional Cina (TCM) yang diperbuat daripada kayu jati dari tahun 1920-an hingga 1940-an. Kabinet ini biasanya terdapat di dewan perubatan tradisional Cina dan digunakan untuk melabel dan menyimpan herba. Herba ini kemudian dipanaskan, digiling dan disediakan dalam pelbagai bentuk, mengikut kuantiti yang dinyatakan pada preskripsi doktor.

Asal-usul TCM boleh dikesan kembali ke China purba. Amalan ini berasaskan konsep tubuh manusia yang saling berkait secara keseluruhan, dan dihubungkan oleh rangkaian laluan. Rangkaian ini menyalurkan darah, atau *qi* (yang bermaksud “tenaga”) yang mengalir ke semua bahagian tubuh untuk mencapai keseimbangan.

Hari ini, TCM diakui sebagai satu bentuk perubatan pelengkap kepada rawatan perubatan Barat dan ditawarkan di banyak klinik, hospital swasta dan awam di Singapura.

1. Pada pendapat anda, kabinet ini digunakan untuk apa?
2. Di manakah anda boleh mendapati kabinet seperti ini?
3. Adakah anda suka dengan rasa herba tradisional Cina? Mengapa ya atau mengapa tidak?



Baca tentang Perubatan Tradisional Cina  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-tcm>



Baca tentang Sejarah Penjagaan Kesihatan Singapura  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-healthcare>

## OBJEK YANG DIBUAT OLEH PENGANYAM ROTAN, 1950-AN



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara (kiri)  
Koleksi Muzium Peranakan (kanan)

<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1160405>

<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1257633>



# OBJEK YANG DIBUAT OLEH PENGANYAM ROTAN, 1950-AN


## LATAR BELAKANG:

Sebuah beg sandang wanita yang diperbuat daripada rotan dengan rekaan sulaman bunga pada tahun 1950-an (kiri) dan bakul rotan pada tahun 1950-an yang berkemungkinan besar digunakan sebagai katil bayi (kanan). Pembuat rotan tradisional terkenal dengan pelbagai objek rotan anyaman tangan. Rotan adalah daripada keluarga pokok palma yang menjalar, yang dijadikan pelbagai objek. Objek lazim yang diperbuat daripada rotan termasuk beg, bakul, dan perabot. Pembuat rotan akan menghasilkan rekaan berdasarkan permintaan dan keperluan pelanggan, kemudian menganyam gabungan rotan tebal dan tipis mengikut keperluan.

Ramai daripada masyarakat India, Melayu dan Cina terlibat dalam hasil kerja tangan rotan di Singapura. Industri rotan mencapai kemuncaknya pada tahun 1960-an hingga 1970-an, ketika Singapura menjadi terkenal dengan pemprosesan rotan dan perdagangan produk rotan buatan tangan yang berkualiti tinggi.

Hari ini, hanya segelintir pembuat rotan tradisional meneruskan pembuatan produk rotan dengan tangan.

1. Beg/bakul ini diperbuat daripada bahan apa?
2. Adakah anda memiliki beg/bakul seperti ini?
3. Apakah objek lain yang boleh diperbuat daripada rotan?



Baca tentang pembuatan produk rotan  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-rattanmaking>



Tonton Warisan dalam Episod –  
Penganyam Rotan Terakhir  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-rattanweaver>



## TUKANG GUNTING RAMBUT JALANAN SEDANG BERTUGAS, AWAL ABAD KE-20



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara

Lembaga Warisan Negara, di sebalik segala usaha yang sewajarnya, tidak dapat mengesan/mengenal pasti pemilik hak cipta gambar ini. Kami menjemput pemilik yang sah untuk menghubungi kami.

<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1080361>

# TUKANG GUNTING RAMBUT JALANAN SEDANG BERTUGAS, AWAL ABAD KE-20

## LATAR BELAKANG:

Seorang tukang gunting rambut jalanan sedang bertugas pada awal abad ke-20.

Ramai tukang gunting rambut jalanan awal di Singapura adalah pendatang lelaki Cina, walaupun terdapat juga tukang gunting rambut jalanan Melayu dan India.

Tukang gunting rambut jalanan hanya memerlukan sebuah ruang kecil dan alat mudah seperti gunting, sikat, berus, pisau cukur, bedak serbuk dan cermin untuk bekerja. Seseengah tukang gunting rambut jalanan juga menawarkan khidmat tambahan seperti membersihkan telinga, merapikan janggut dan urutan untuk pelanggan mereka.

1. Apakah yang sedang dilakukan oleh lelaki ini?
2. Adakah anda suka pergi menggunting rambut?
3. Berapakah bayaran untuk menggunting rambut anda semasa anda kecil?




Baca tentang perdagangan tradisional di Singapura  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-traditionaltrades>



Tonton Warisan dalam Episod – Pertemuan dengan seorang Tukang Gunting Rambut Jalanan  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-streetbarber>



## PENGAYUH BECA, 1970-AN



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara  
Lembaga Warisan Negara, di sebalik segala usaha yang sewajarnya, tidak dapat mengesan/mengenal  
pasti pemilik hak cipta gambar ini. Kami menjemput pemilik yang sah untuk menghubungi kami.

<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1184725>

# PENGAYUH BECA, 1970-AN

## LATAR BELAKANG:

Seorang pengayuh beca mengayuh di jalan di Singapura pada tahun 1970-an. Beca pertama telah didaftarkan di Singapura pada tahun 1914 dan merupakan kaedah pengangkutan yang popular dari awal tahun 1920-an.

Tidak seperti beca tradisional yang ditarik dengan tangan, beca tiga roda mempunyai pengayuh basikal supaya ia boleh dikayuh untuk membawa penumpang dan barangan dengan lebih cepat dari satu tempat ke tempat lain. Ia juga merupakan kaedah pengangkutan yang popular kerana minyak petrol untuk kenderaan bermotor tidak mudah didapati ketika itu.

Hari ini, pengayuh beca kebanyakannya diurus oleh pengendali berlesen utama, yang kebanyakannya memberikan khidmat kepada pelancong yang ingin mencari pengalaman masa lampau di Singapura.

1. Apakah yang sedang dikayuh oleh lelaki ini?
2. Pernahkah anda menaiki beca sebelum ini, dan adakah anda menyukainya?
3. Di manakah anda pernah melihat pengayuh beca di Singapura?



Gambar seorang penarik beca  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-rickshaw-puller>



Baca tentang pengayuh beca – di e-NLB  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-trishaw>

## PEMBUAT TANGKUNG SEDANG BERTUGAS, 1970-AN – 1980-AN



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara  
Lembaga Warisan Negara, di sebalik segala usaha yang sewajarnya, tidak dapat mengesan/mengenal  
pasti pemilik hak cipta gambar ini. Kami menjemput pemilik yang sah untuk menghubungi kami.  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1190164>

# PEMBAUT TANGLUNG SEDANG BERTUGAS, 1970-AN – 1980-AN

## LATAR BELAKANG:

Seorang lelaki dan wanita sedang membuat tanglung tradisional Cina pada tahun 1970-an hingga 1980-an.

Tanglung tradisional diperbuat daripada buluh dan ditutup dengan kertas sutera bersalut minyak. Lima langkah asas pembuatan tanglung dikenali sebagai “memintal”, “mengikat”, “membubuh gam”, “melukis” dan “menyalakan”. Bentuk dan lukisan pada setiap tanglung mencerminkan asal usulnya – tanglung Teochew mempunyai calitan warna lebih kasar dan lebih pantas manakala tanglung Foochow biasanya mempunyai bingkai berbentuk silinder dengan lukisan yang terperinci.

Tanglung biasanya digantung sebagai pameran untuk memperingati acara keagamaan atau upacara seperti pengebumian dan perkahwinan. Ia dilukis dengan warna dan motif yang berbeza bergantung pada majlis.

Di Singapura, tanglung biasanya digantung semasa majlis perayaan besar seperti Tahun Baru Cina dan Pesta Pertengahan Musim Luruh. Pameran tanglung bersaiz besar juga boleh didapati di tempat seperti Chinatown, Taman Di Persisiran dan Dewan Peringatan Nanyang Sun Yat Sen.

1. Apakah yang sedang dilakukan oleh lelaki dan wanita ini?
2. Di manakah anda boleh mendapati tanglung di Singapura?
3. Adakah anda menyambut Pesta Pertengahan Musim Luruh? Apakah beberapa perkara yang anda gemar lakukan sebagai sebahagian daripada perayaan ini?



Baca tentang pembuatan tanglung tradisional Cina  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-lanternmaking>



Tonton Warisan dalam Episod – Kisah tentang seorang Pelukis Tanglung Tradisional  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-lanternpainter>

## PENJUAL SAYUR DI PASAR JALANAN, 1980-AN



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara  
Lembaga Warisan Negara, di sebalik segala usaha yang sewajarnya, tidak dapat mengesan/mengenal  
pasti pemilik hak cipta gambar ini. Kami menjemput pemilik yang sah untuk menghubungi kami.  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1194918>



# PENJUAL SAYUR DI PASAR JALANAN, 1980-AN

## LATAR BELAKANG:

Seorang penjual sayur mempamerkan sayur-sayuran untuk dijual di Chinatown pada tahun 1980-an.

Menjaja di jalanan, atau menjaja barangan seperti makanan, minuman dan sayur-sayuran merupakan pekerjaan yang popular bagi ramai pendatang baharu di Singapura. Pekerjaan seperti ini juga sering dilakukan oleh golongan miskin dan buta huruf, kerana ia memberi mereka cara yang mudah untuk mencari nafkah.

Ramai pemborong dan pengimport barangan juga sangat bergantung pada penjaja jalanan untuk menjual barangan mereka. Ramai penjaja jalanan akan berjalan sambil menggondong barangan mereka di dalam bakul atau dulang untuk mencari pelanggan. Kadang kala, penjaja jalanan juga akan berkumpul di jalan yang sibuk untuk mendapatkan lebih ramai pelanggan.

Acara pendaftaran di serata pulau telah dijalankan dari tahun 1960-an hingga 1980-an untuk memindahkan para penjaja ke kawasan masyarakat yang ditetapkan, dan untuk mencegah kegiatan menjaja di jalanan secara haram. Hari ini, para penjaja mesti mendaftar sebagai pemilik gerai di pasar atau pusat penjaja yang ditetapkan, sebelum mereka boleh menjual barangan mereka.

1. Apakah yang anda pernah beli daripada penjaja jalanan sebelum ini?
2. Adakah anda suka pergi ke pasar jalanan atau pasar basah?
3. Adakah anda lebih suka membeli barangan dapur di pasar jalanan atau pasar basah atau pasar raya?



Baca tentang penjaja jalanan  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-streethawkers>



## PENJUAL SATE, 1970-AN – 1980-AN



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara

Lembaga Warisan Negara, di sebalik segala usaha yang sewajarnya, tidak dapat mengesan/mengenal pasti pemilik hak cipta gambar ini. Kami menjemput pemilik yang sah untuk menghubungi kami.

<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1191225>

# PENJUAL SATE, 1970-AN – 1980-AN

## LATAR BELAKANG:

Seorang penjual sate mengipas sate di atas arang panas pada tahun 1970-an hingga 1980-an.

Sate adalah hidangan Singapura yang diperbuat daripada daging yang dicucuk dengan lidi dan dibakar, biasanya ayam, daging lembu atau kambing, dan disajikan bersama timun, bawang hiris, ketupat dan kuah kacang. Nama hidangan ini dikatakan berasal daripada perkataan Tamil iaitu *sathai* (yang bermaksud “daging”).

Sate biasanya dijual di kereta sorong atau gerai makanan sementara. Pada masa lalu, pelanggan akan duduk di atas bangku kayu di sekitar gerai, dengan hidangan diletakkan di atas mangkuk ayan dan periuk besar kuah kacang untuk dicecah.

Di Singapura, Satay Club yang terkenal di Esplanade dibuka pada tahun 1971 sebagai sebuah pusat makanan terbuka dengan gerai makanan yang kebanyakannya menjual sate. Gerai ini beroperasi daripada matahari terbenam sehingga awal pagi dan merupakan tempat yang popular untuk makan malam dan perjumpaan keluarga. Pusat makanan ini telah dirobohkan pada tahun 1995 untuk memberi jalan kepada pusat seni persembahan Singapura, Esplanade – Teater Di Pesisiran.

1. Apakah yang sedang dilakukan oleh lelaki ini?
2. Adakah anda menyukai rasa sate?
3. Apakah jenis makanan lain yang anda gemar makan di pusat penjaja?




Gambar Satay Club di Esplanade  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-satayclub>



Gambar bangku kayu di sebuah warung sate  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-sataystalltool>

## WANITA SAMSUI, 1938 - 1939



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara  
Lembaga Warisan Negara, di sebalik segala usaha yang sewajarnya, tidak dapat mengesan/mengenal pasti pemilik hak cipta gambar ini. Kami menjemput pemilik yang sah untuk menghubungi kami.  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1141264>

# WANITA SAMSUI, 1938 - 1939

## LATAR BELAKANG:

Seorang wanita *samsui* mengangkut tanah dan sampah dalam baldi yang tergantung di kayu galas antara tahun 1938 dan 1939.

Istilah “samsui” mungkin berasal daripada latar belakang kaum wanita, yang kebanyakannya adalah pendatang Kantonis atau Hakka dari daerah Sanshui di selatan China. Ramai wanita *samsui* mula tiba di Singapura pada pertengahan tahun 1930-an dan kebanyakannya bekerja di tapak pembinaan, melakukan kerja buruh kasar.

Wanita *Samsui* terkenal dengan selendang merah mereka, atau *hong tou jin* (yang bermaksud “selendang kepala merah”). Warna merah dipilih kerana ia mudah dilihat dari jauh dan mengurangkan kejadian kemalangan di tapak pembinaan. Selendang ini telah menjadi lambang ikonik kehidupan mereka yang sukar tetapi bermaruah.

Hanya segelintir sahaja wanita *samsui* yang masih tinggal di Singapura pada hari ini, kerana kebanyakannya sama ada sudah meninggal dunia atau pun pulang ke China.

1. Apakah jenis pekerjaan yang dilakukan oleh wanita ini untuk menyara hidup?
2. Pernahkah anda melihat salah seorang wanita ini secara peribadi atau di kaca TV sebelum ini?
3. Adakah anda melihat banyak kerja pembinaan di sekitar tempat tinggal anda? Siapakah yang bekerja di tapak pembinaan?




Baca tentang perjalanan ke Nanyang  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-nanyang>



Baca tentang Cik Ng Moey Chye, seorang  
wanita *samsui* yang dilahirkan di Singapura  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-ngmoeychye>

## PEKERJA TWAKOW MENGANGKUT BARANG DI SUNGAI SINGAPURA, 1970-AN



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara  
Lembaga Warisan Negara, di sebalik segala usaha yang sewajarnya, tidak dapat mengesan/mengenal pasti pemilik hak cipta gambar ini. Kami menjemput pemilik yang sah untuk menghubungi kami.  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1183856>

# PEKERJA TWAKOW MENGANGKUT BARANG DI SUNGAI SINGAPURA, 1970-AN

## LATAR BELAKANG:

Sekumpulan pekerja *twakow* (perahu pemunggang barang) sedang mengangkut kargo pada tahun 1970-an. *Twakow* atau “tongkang” digunakan secara meluas untuk mengangkut kargo dan barangan lain dari kapal ke tebing Sungai Singapura sejak awal tahun 1900-an. Kebanyakan pemilik *twakow* adalah daripada suku Hokkien atau Teochew yang tinggal berdekatan, di sepanjang tebing Sungai Singapura.

*Twakow* mempunyai reka bentuk nautika pengaruh Cina dan sering dilukis dengan “mata” di bahagian depan untuk membolehkan kapal tersebut “melihat” sebarang bahaya di hadapan mereka. Banyak juga yang dicat dengan warna yang membawa tuah seperti hijau, putih dan merah. Kebanyakan perahu ini kemudiannya dilarang memasuki Sungai Singapura berikutan kempen pembersihan sungai pada tahun 1980-an.

Hari ini, *twakow* telah dipasang dengan tempat duduk kayu dan digunakan semula sebagai teksi sungai oleh pengendali berlesen untuk membawa para pelancong menikmati pemandangan dan bunyi-bunyian di sepanjang Sungai Singapura.

1. Apakah yang sedang dilakukan oleh lelaki ini?
2. Pernahkah anda menaiki *twakow* sebelum ini?
3. Apakah beberapa perkara yang anda gemar lakukan di tepi Sungai Singapura?



Baca tentang kisah Sungai Singapura  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-singaporeriver>



Ayuh bergerak dengan Singapore River Walk  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-singaporerivertrail>

**PERTUNJUKAN YANG DIPENTASKAN OLEH DALANG  
BONEKA KAYU CINA, AWAL ABAD KE-20**



Ihsan Lembaga Warisan Negara

<https://www.roots.gov.sg/ich-landing/ich/chinese-puppetry>



# PERTUNJUKAN YANG DIPENTASKAN OLEH DALANG BONEKA KAYU CINA, AWAL ABAD KE-20

## LATAR BELAKANG:

Pemandangan boneka kayu Hainan semasa pertunjukan oleh San Chun Long, rombongan teater boneka kayu Cina pada awal abad ke-20. Seni boneka kayu Cina, atau teater boneka kayu, adalah satu bentuk seni tradisional yang dipersembahkan secara meluas oleh pendatang Cina di Singapura sejak tahun 1920-an.

Persembahan ini biasanya melibatkan seorang dalang boneka kayu yang menggerakkan boneka dari belakang pentas menggunakan kayu atau batang yang panjang, diiringi oleh pemuzik yang menggunakan alat seperti 'clapper', simbal atau seruling. Pertunjukan seperti ini biasanya dipentaskan dalam dialek Cina, bergantung pada asal usul rombongan tersebut, dan sering mengisahkan cerita klasik turun-temurun.

Hari ini, rombongan boneka kayu terus membuat pertunjukan di institusi keagamaan seperti kuil, dan semasa majlis khas seperti ulang tahun atau perkahwinan. Penganut juga boleh mengundang rombongan boneka kayu untuk membuat pertunjukan sebagai hiburan bagi para dewa dan untuk mendapatkan berkat serta perlindungan.

1. Apakah patung ini dan bagaimanakah ia bergerak?
2. Pernahkah anda menonton pertunjukan seperti ini sebelum ini?
3. Pertunjukan jenis apakah yang anda gemar tonton?



Baca tentang seni boneka kayu Cina  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-chinesepuppetry>



Tonton Wayang Cina – Persembahan untuk para Dewa  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-chinesepuppetperformance>

## PEMIKAT ULAR BERDEKATAN MOUNT FABER, 1930-AN



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara  
Lembaga Warisan Negara, di sebalik segala usaha yang sewajarnya, tidak dapat mengesan/mengenal pasti pemilik hak cipta gambar ini. Kami menjemput pemilik yang sah untuk menghubungi kami.  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1158244>

# PEMIKAT ULAR BERDEKATAN MOUNT FABER, 1930-AN

## LATAR BELAKANG:

Pemikat ular dengan ular peliharaan mereka yang digunakan untuk persembahan pada tahun 1930-an.

Ramai pemikat ular merupakan pendatang dari Poona, sebuah kota di Maharashtra, bahagian barat India. Pemikat ular adalah penghibur di pinggir jalanan yang popular pada tahun 1950-an dan 1960-an yang mencari nafkah dengan membuat ular peliharaan mereka “menari” mengikut muzik daripada naskar (alat tradisional seperti seruling yang diperbuat daripada batang buluh dan tempurung kelapa).

Ramai pemikat ular membuat persembahan untuk para pelancong di tempat seperti di luar hotel, dan di tempat tarikan tempatan seperti Sentosa dan Mount Faber.

Hari ini, hanya beberapa orang pemikat ular yang masih tinggal di Singapura, dan mereka ini menawarkan persembahan sebagai satu bentuk hiburan untuk para pengunjung dan pelancong asing.

1. Pernahkah anda menyaksikan persembahan seorang pemikat ular sebelum ini?
2. Di manakah anda boleh temui pemikat ular di Singapura pada masa lalu?
3. Adakah anda takut dengan ular?



Rekaan setem yang menampilkan seorang pemikat ular  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-snakecharmerstamp>

## PENEBUK TIKET YANG DIGUNAKAN OLEH KONDUKTOR BAS DAN TIKET BAS, TAHUN 1940-AN HINGGA 1970-AN



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara

Lembaga Warisan Negara, di sebalik segala usaha yang sewajarnya, tidak dapat mengesan/mengenal pasti pemilik hak cipta gambar ini. Kami menjemput pemilik yang sah untuk menghubungi kami.

<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1162204>

<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1161108>

# PENEBUK TIKET YANG DIGUNAKAN OLEH KONDUKTOR BAS DAN TIKET BAS, TAHUN 1940-AN HINGGA 1970-AN

## LATAR BELAKANG:

Penebuk tiket logam yang digunakan oleh konduktor bas untuk mengesahkan tiket bas, dan tiket bas dengan nilai 10 sen yang digunakan pada tahun 1940-an hingga 1970-an. Konduktor bas biasa dilihat di dalam bas pada awal abad ke-20. Mereka bertanggungjawab untuk melakukan pemeriksaan ke atas penumpang dan mengesahkan perjalanan mereka dengan menebuk tiket mereka. Lubang yang ditebuk menandakan di mana penumpang tersebut memulakan perjalanan mereka.

Pengenalan tiket bercetak pada tahun 1980-an bermakna bahawa tiket tidak lagi perlu ditebuk, dan konduktor bas tidak lagi diperlukan. Sistem kad tambang kemudian diperkenalkan pada tahun 1990, diikuti oleh sistem kad EZ-Link pada tahun 2002.

Hari ini, pekerjaan sebagai konduktor bas tidak lagi diperlukan di Singapura. Pelbagai inisiatif juga telah dilaksanakan bagi mencegah penumpang mengelak daripada membayar tambang bas, seperti mengenakan jarak tambang maksimum pada kad EZ-Link penumpang jika mereka tidak mengetik kad semasa turun dari bas.

1. Objek di sebelah kiri ini digunakan untuk apa?
2. Apakah yang paling anda gemari tentang perjalanan menaiki bas?
3. Bagaimanakah perjalanan menaiki bas berbeza pada hari ini?



Baca tentang pengangkutan di Singapura –  
di e-NLB  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-nationaltransportation>



Baca tentang Syarikat Bas Hijau, yang ditubuhkan  
pada tahun 1935  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-greenbus>

## KULI CINA, AWAL PERTENGAHAN ABAD KE-20



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara  
Lembaga Warisan Negara, di sebalik segala usaha yang sewajarnya, tidak dapat mengesan/mengenal pasti pemilik hak cipta gambar ini. Kami menjemput pemilik yang sah untuk menghubungi kami.  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1015774>

# KULI CINA, AWAL PERTENGAHAN ABAD KE-20

## LATAR BELAKANG:

Seorang kuli Cina memikul karung guni di bahunya pada awal hingga pertengahan abad ke-20.

Istilah “kuli” mungkin berasal daripada perkataan Hindi, Kuli, dengan merujuk kepada nama suku asli dari India Barat. Kuli dipercayai antara kuli pertama yang tiba di Singapura. Satu lagi, ia dipercayai bahawa istilah ini berasal daripada perkataan Cina, *ku li* (yang bermaksud “buruh kasar”).

Kebanyakan kuli adalah pendatang miskin Cina yang datang ke Singapura untuk mencari pekerjaan dan kehidupan yang lebih baik. Kebanyakan mereka bekerja sebagai pekerja pembinaan, pelabuhan dan lombong, dan bekerja berjam-jam di bawah terik matahari mengangkut barangan dalam karung guni. Karung guni adalah beg berwarna coklat yang biasanya diperbuat daripada rami dan serat semula jadi lain dan digunakan untuk mengangkut biji-bijian dan hasil pertanian lain.

Hari ini, pekerjaan seorang kuli telah digantikan oleh pekerja pembinaan dan buruh manual di Singapura.

1. Apakah yang sedang dilakukan oleh lelaki ini?
2. Apakah yang ada di dalam guni ini?
3. Di manakah anda pernah melihat lelaki ini bekerja?



Gambar karung guni dari tahun 1970-an  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-ricesack>



Baca tentang kuli di Singapura – di e-NLB  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-chinesecoolies>

# KERTAS RAMALAN YANG DIKELUARKAN OLEH SEORANG TUKANG TILIK CINA, AWAL HINGGA PERTENGAHAN ABAD KE-20



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1089453>



# KERTAS RAMALAN YANG DIKELUARKAN OLEH SEORANG TUKANG TILIK CINA, AWAL HINGGA PERTENGAHAN ABAD KE-20

## LATAR BELAKANG:

Kertas nasihat yang diberikan oleh seorang tukang tilik Cina kepada pasangan pada awal hingga pertengahan abad ke-20. Kertas ini mengandungi tarikh dan waktu kelahiran pasangan tersebut, yang digunakan untuk mengira keserasian perkahwinan, serta tarikh dan masa yang baik bagi upacara yang berbeza dijalankan.

Tukang tilik biasa dilihat di sepanjang laluan kaki lima di Singapura dari tahun 1800-an dan memberi nasihat mengenai hal berkaitan perkahwinan dan perniagaan. Kebanyakan tukang tilik mempunyai susunan meja dan bangku kayu yang sederhana, dan objek seperti patung Buddha, batang colok dan buku. Kaedah popular termasuk membaca telapak tangan dan *ba zi* (penggunaan data kelahiran untuk meramalkan masa depan seseorang).

Menilik nasib juga terkenal di kalangan masyarakat India. Ramai tukang tilik India bekerja sebagai ahli nujum burung kakak tua, di mana seekor burung kakak tua akan diarahkan untuk memilih sekeping kad menggunakan paruhnya selepas “membaca” nama dan hari lahir pelanggan. Ahli nujum burung kakak tua ini kemudian akan mentafsirkan makna di sebalik kad tersebut. Hari ini, hanya beberapa orang tukang tilik tradisional yang masih mengamalkannya di sekitar kawasan seperti Chinatown dan Little India di Singapura.

1. Apakah yang tertulis di atas kertas ini?
2. Pernahkah anda menilik nasib dengan seorang tukang tilik sebelum ini?
3. Adakah anda percaya tentang amalan menilik nasib?



Gambar carta ramalan nasib *ba zi*  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-fortunechart>



Baca tentang ahli nujum burung kakak tua di Singapura – di e-NLB  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-parrotastrologers>

## MESIN TAIP REMINGTON YANG DIGUNAKAN OLEH SEORANG JURUTAIP, 1900-AN



Pemberian oleh George Goh. Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1120672>

# MESIN TAIP REMINGTON YANG DIGUNAKAN OLEH SEORANG JURUTAIP, 1900-AN

## LATAR BELAKANG:

Mesin taip Remington yang digunakan oleh Pasukan Polis Negeri-negeri Selat pada tahun 1900-an.


Mesin taip ini adalah alat menulis yang dicipta oleh Christopher Latham Sholes, seorang penyunting akhbar Amerika pada tahun 1868. Kekunci pada papan kekunci mesin taip disusun dengan cara yang mencegah jurutaip daripada bekerja terlalu pantas dan menyebabkan kunci tersekat. Papan kekunci pada mesin taip juga menggunakan susun atur QWERTY yang telah diguna pakai oleh komputer dan peranti mudah alih di seluruh dunia.

Tidak seperti pertengahan abad ke-20 di mana para jurutaip khususnya bekerja dalam industri penerbitan, pentadbiran dan perkeranian, tugas seorang jurutaip dilakukan oleh orang yang diambil bekerja dalam jawatan pengisian data pada hari ini. Jawatan pengisian data adalah apabila seseorang digajikan untuk menaip atau menyalin maklumat ke dalam komputer.

1. Pernahkah anda menggunakan mesin taip sebelum ini?
2. Adakah anda lebih suka menaip atau menulis dengan pen?
3. Adakah anda suka menggunakan komputer?



Gambar sijil menaip dari tahun 1950-an  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-typing-exam>



Baca tentang kaedah komunikasi dalam sejarah  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-communications>

## TOPI BULUH YANG DIPAKAI OLEH SEORANG NELAYAN, 1950-AN



Ihsan Muzium Tamadun Asia, Lembaga Warisan Negara  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1077746>

# TOPI BULUH YANG DIPAKAI OLEH SEORANG NELAYAN, 1950-AN

## LATAR BELAKANG:

Topi buluh yang dipakai oleh seorang nelayan pada tahun 1950-an. Walaupun Singapura dikenali sebagai sebuah perkampungan nelayan sejak awal tahun 1800-an, catatan sejarah telah menggambarkan Singapura zaman purba, atau Temasek, sebagai sebuah tempat yang sibuk dengan kegiatan perdagangan dan perniagaan, dengan ibu kotanya terletak di muara Sungai Singapura.

Memancing merupakan sumber pendapatan utama bagi ramai keluarga Melayu yang tinggal di kampung pada awal hingga pertengahan abad ke-20. Rumah keluarga ini biasanya dibina di atas pelantar kayu yang ditinggikan dengan tiang di sepanjang tebing sungai dan pantai, bagi memudahkan perjalanan ke sungai. Ramai nelayan bergerak menggunakan perahu dan memancing dengan menebarkan jaring ke sungai secara manual.

Hari ini, memancing dikenali sebagai satu kegiatan masa lapang, manakala penangkapan ikan secara komersial dijalankan oleh pengendali berlesen dari atas kapal besar, dengan menggunakan mesin dan peralatan moden.

1. Siapakah agaknya yang memiliki topi ini?
2. Pernahkah anda tinggal di kampung sebelum ini?
3. Adakah anda tahu bagaimana untuk memancing?




Gambar seorang nelayan pada tahun 1950-an hingga 1960-an  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-fisherman>



Baca tentang memancing ikan di Singapura – di e-NLB  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-fishinginsingapore>



## AMAH BERSAMA SEKUMPULAN KANAK-KANAK, TAHUN 1930-AN



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara  
Lembaga Warisan Negara, di sebalik segala usaha yang sewajarnya, tidak dapat mengesan/mengenal pasti pemilik hak cipta gambar ini. Kami menjemput pemilik yang sah untuk menghubungi kami.  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1141149>

# AMAH BERSAMA SEKUMPULAN KANAK-KANAK, TAHUN 1930-AN

## LATAR BELAKANG:

Seorang *amah* (pembantu rumah) dengan sekumpulan kanak-kanak pada tahun 1930-an.

Ramai pendatang wanita Cina mendapat pekerjaan sebagai *amah* pada tahun 1930-an hingga 1970-an, di mana mereka diambil bekerja oleh keluarga kaya untuk melakukan kerja rumah seperti membersihkan, memasak dan menjaga anak-anak di dalam keluarga. Ramai *amah* berkhidmat dengan majikan mereka untuk jangka masa yang lama, menyebabkan hubungan yang rapat dengan anak-anak majikan mereka. Ramai yang juga dianggap sebagai sebahagian daripada keluarga.

Kadang-kala, *amah* juga dipanggil sebagai *majie* (kumpulan *amah* yang berasal dari daerah Shunde di China). Tidak seperti *amah* yang lain, *majie* akan bersumpah untuk kekal bujang sebelum bekerja. Istilah “*majie*” berkemungkinan berasal daripada *ma cheh Kanton* (yang bermaksud “ibu dan kakak”).

Hari ini, kebanyakan *amah* dan *majie* telah bersara, dan kebanyakan pembantu rumah di Singapura berasal dari negara jiran di Asia Tenggara.

1. Apakah yang dilakukan oleh seorang *amah*?
2. Adakah *amah* dibenarkan untuk berkahwin?
3. Adakah anda suka melakukan kerja rumah?



Baca tentang *amah* di Singapura – di e-NLB  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-majie>



## PEMILIK KEDAI RUNCIT, 1950-AN – 1960-AN



Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1148982>



# PEMILIK KEDAI RUNCIT, 1950-AN – 1960-AN

## LATAR BELAKANG:

Seorang lelaki berdiri di belakang kaunter kedai runcit pada tahun 1950-an hingga 1960-an.

Kedai runcit merupakan tempat lazim di Singapura yang menjual barang keperluan harian seperti beras, rempah, makanan dalam tin dan barang keperluan rumah.

Ada juga kedai runcit yang menggunakan sistem kredit, di mana pelanggan tetap boleh membeli barang dari kedai secara kredit. Pemilik kedai mempunyai buku untuk mencatat pembelian, di mana pelanggan boleh datang semula untuk membayar sehingga beberapa bulan kemudian.

Hari ini, kebanyakan kedai runcit telah digantikan oleh rangkaian pasar raya besar atau kedai serbaneka seperti Cheers dan 7-Eleven. Hanya terdapat beberapa kedai runcit yang masih beroperasi di Singapura dan ia boleh didapati di kawasan perumahan awam lama.

1. Apakah barang yang boleh anda beli di kedai runcit?
2. Adakah anda lebih suka ke kedai runcit atau pasar raya?
3. Di manakah biasanya anda membeli barang keperluan seharian anda?



Tonton Warisan Dalam Episod – Kisah sebuah Kedai Runcit Tradisional:  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-provisionshop>

## POTONGAN CORAK KERTAS YANG DIBUAT OLEH SEORANG TUKANG JAHIT, 1980-AN



Pemberian oleh Puan Ee Kwai Wing. Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara  
<https://www.roots.gov.sg/Collection-Landing/listing/1262088>

# POTONGAN CORAK KERTAS YANG DIBUAT OLEH SEORANG TUKANG JAHIT, 1980-AN

## LATAR BELAKANG:

Set potongan corak kertas yang dibuat pada tahun 1980-an oleh Puan Ee Kwai Wing, seorang tukang jahit.

Potongan kertas biasanya dibuat oleh tukang jahit sebagai sebahagian daripada proses membetulkan atau menjahit pakaian yang ditempah khas.

Set potongan corak kertas ini dipotong daripada surat khabar untuk membuat bahagian depan, belakang, kolar dan lengan *cheongsam*, atau *qipao* (pakaian tradisional Cina). Pakaian ini biasanya dibuat dengan tangan bagi set lengkap 16 potongan corak. *Cheongsam* terkenal di kalangan wanita kaya dan berkolar putih, dan terdapat permintaan yang tinggi untuk perniagaan menjahit *cheongsam* sehingga tahun 1960-an.

Hari ini, *cheongsam* biasanya dipakai semasa acara sosial atau perayaan, seperti jamuan perkahwinan dan Tahun Baru Cina. Banyak perniagaan menjahit *cheongsam* juga telah belajar untuk menggabungkan pengaruh pelbagai budaya, seperti penggunaan batik, dalam rekaan mereka untuk memenuhi pilihan moden.



1. Pakaian jenis apakah yang menggunakan corak seperti ini?
2. Pernahkah pakaian anda dijahit oleh tukang jahit sebelum ini?
3. Adakah anda tahu bagaimana untuk menjahit?




Baca tentang menjahit *cheongsam* di Singapura  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-cheongsamtailing>



Baca tentang *cheongsam*, pakaian tradisional Cina  
<https://go.gov.sg/nhbcsk3-elizabethchoycheongsam>



Mengiktiraf potensi masyarakat warga emas dan bekerjasama dengan rakan kongsi penjagaan masyarakat untuk membolehkan warga emas menjalani kehidupan yang bermakna dan memuaskan.



Satu inisiatif oleh:

